

Rizab Antarabangsa Bank Negara Berjumlah RM427.6 Bilion Pada 28 Feb, 2014
Bernama
7 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 7 Mac (Bernama) -- Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia (BNM) berjumlah RM427.6 bilion (bersamaan dengan AS\$130.6 bilion) pada 28 Feb, 2014.

Menurut BNM, paras rizab itu mencukupi untuk membiayai sembilan bulan import tertangguh dan merupakan 3.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Komponen utama rizab antarabangsa ialah rizab mata wang asing (AS\$117.7 bilion), rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (AS\$900 juta), hak pengeluaran khas (AS\$2.0 bilion), emas (AS\$1.4 bilion) dan aset rizab lain (AS\$8.6 bilion).

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020129>